

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 20 RABU 17HB. MEI 1972 1392 رابو 3 ربيع الاخير PERCHUMA

Notis meruboh perumahan yang di-bena tanpa kebenaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan pehak2 yang telah menerima notis untuk membuka bangsal, rumah dan lain2 bangunan supaya mematuhi kehendak2 notis itu dengan segera.

Lembaga Bandaran, kata-nya, tidak ada sa-barang keraguan untuk mengenakan tindakan2 kepada pehak2 yang ingkar dari menuruti kehendak undang2.

Semua bangsal, rumah2 dan lain2 bangunan yang telah menerima notis untuk di-ruboh itu telah di-dapati tidak mendapat kebenaran atau tidak mengemukakan sa-barang permohonan pada mula-nya.

Beliau menegaskan bahawa tindakan itu di-ambil ada-lah bagi memelihara kawasan bandaran dari di-kotori di-samping ia-nya di-dapati bertentangan dengan undang2.

Kapada tuan2 punya rumah, bangunan2 dan kawasan2 tanah yang termasuk dalam lingkungan bandaran, Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan mereka supaya sentiasa memelihara kebersihan-nya seperti menebas rumput2, semak2 dan membuang sampah sarap.

Menurut beliau bahawa tuan punya tanah di-kawasan bandaran sa-bahagian-nya telah tidak di-hiraukan akan kebersihan-nya dan hal ini adalah bertentangan dengan undang2 Lembaga Bandaran.

(Lihat muka 8)

Penyiasatan ubat2 yg. mengandongi drug

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kesihatan sedang menjalankan satu penyiasatan bagi menchari ubat2 drug yang membahayakan yang di-jual di-kedai2 ubat dan di-tempat2 menjual ubat di-seluruh negeri ini.

Sa-jenis ubat bagi kanak2 yang sakit yang bernama *Papao Ching Feng San*, di-dapati

mengandongi satu peratus bahan arsenic.

Orang ramai yang memileki ubat jenis itu hendak-lah menyerahkan-nya kapada Polis atau Jabatan Perubatan.

Semua tuan2 punya kedai ubat juga di-minta supaya memeriksa ubat2 dalam simpanan-nya, jika terdapat ada-nya sa-barang ubat dengan nama itu.



Y.B. Awang Haji Abd. Aziz.

Pg. Perdana Wazir di-pilih sa-bagai Penaong J/K sambutan puja usia D.Y.M.M. yang ke-26 tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bol-kiah telah di-pilih menjadi Penaong Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 tahun.

Pemilihan itu telah di-adakan dalam satu meshuarat pembentukan jawatankuasa tertinggi sambutan perayaan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Brunei-Muara di-Dewan Kemashara-

katan, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan itu ia-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Timbalan Pengerusi Satu — Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim; **Timbalan Pengerusi Dua** — Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Setiausaha Agong — Awang Mohamed Yusof bin Mohamed Tahir; **Timbalan Setiausaha Agong** — Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim; **Penolong Setiausaha Agong** — Awang Zainal Abidin bin Mohamed Tahir.

Pengerusi Kewangan — Awang Lim Boon Koon; **Bendahari Kehormat** — Awang Elias P. Jupp; **Pemereksa Kira2** — Awang Haji Sahari bin Idris dan Awang Haji Moksin bin Pukul.

Meshuarat itu juga melantek 24 orang pengerusi2 bahagian yang akan menyelenggarakan tiap2 achara persembahan untuk merayakan hari keputeraan Baginda itu.

HARGA SAYOR TURUN, HARGA DAGING DAN IKAN SEDANG DI-USAHAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan baru2 ini telah memindahkan tempat penjual2 sayor2an berdekatan dengan Pasar Besar ka-satu tempat di-kawasan Tamu.

Penjaja2 barang2 runchit di-Pasar Besar juga telah di-pindahkan ka-kawasan tamu, di-satu tempat yang pada mula-nya di-untukkan untuk petani2 menjual hasil2 tanaman mereka.

Tempat menjual sayor2an yang baru itu ia-lah di-belakang bangunan Panggong Borneo yang telah di-buboh garisan2 pitak bagi menentukan kawasan tiap2 sa-orang penjual2 sayor itu.

Berikutan dengan langkah itu, Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan juga telah menentukan harga bagi tiap2 jenis sayor dan memerentahkan supaya penjual2 sayor itu tidak akan menjual melebihi dari harga2 yang telah di-tetapkan.

Harga2 menurut senarai itu ada-lah turun sa-banyak 20-15 sen dari harga sa-belum-nya.

Atas penetapan harga tiap2 jenis sayor itu, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar menyeru orang ramai supaya mengemukakan sa-barang aduan jika di-dapati sa-barang perbezaan harga dari yang di-tetapkan itu.

“Jika orang ramai mendapati yang penjual2 sayor di-tempat itu telah menjual dengan harga yang lebih dari yang di-tetapkan, maka adalah mustahak supaya perkara itu di-laporkan dengan segera untuk di-jalankan tindakan,” tegas beliau.

Beliau memberi jaminan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang, kerana sumbangan itu ada-lah merupakan satu jasa yang baik dan segala keterangan mengenai dengan diri mereka ada-lah di-rahasiakan.

(Lihat muka 8)

PELAJARAN DEWASA DI-NEGERI BRUNEI

PELAJARAN DEWASA
LIBERAL
(LIBERAL ADULT
EDUCATION)

oleh: Umar Muhammad
Penyusun Pelajaran Dewasa, Negeri Brunei.
(sambongan minggu lalu)

Di-dalam masyarakat yang dinamis akan terdapat golongan dewasa-nya yang mendapat Pelajaran Formal yang lengkap. Mereka ini tidak lagi menghendaki surat2 tauliah atau ijazah, kerana setelah mendapat dan menanggapi kepuasan yang cukup, tetapi mereka masih mempunyai kekehenderongan dan keinginan untuk terus belajar.

Ini mungkin mereka mempunyai kesedaran kerana sedikit sahaja yang mereka ketahui dan mereka lebih tertarik kepada proses pemikiran dan hasrat untuk memperbaiki mutu alat pemikiran mereka; ingin mendapat pengetahuan yang lebih untuk kepuasan ingin tahu dan memahami dunia yang di-diami-nya dan orang yang mendiami-nya.

Di-kebanyakan negeri, kita dapati hanya sa-bilangan kecil sahaja yang ingin mengikuti kursus di-Pelajaran Dewasa Liberal ini jika dibandingkan dengan Pelajaran Dewasa Formal atau pun Pelajaran Dewasa Asas, dan sa-bilangan kecil ini-lah yang memberikan sumbangan, meluaskan dan mendalami kebudayaan untuk memperbaiki masyarakat itu.

Memberikan latihan "memimpin" ia-lah tajuk yang besar dalam bidang Pelajaran Dewasa Liberal ini. Ini adalah juga memerlukan berbagai kebolehan dan kecekapan dan daya untuk berfikir dengan jelas dan terator, supaya mereka dapat melihat dengan jelas-nya akan tanggung-jawab mereka di-samping yang lain dalam masyarakat itu.

Apabila sa-sebuah negeri bertambah maju dan membangun, maka bertambah-lah kegiatan Pelajaran Dewasa Liberal-nya, seperti kelas2 dan seminar2 untuk membincangkan kejadian penting sa-hari2, perkembangan politik, perkembangan sains, pelajaran seni dan ka-masyarakat. Oleh sebab sa-bilangan kecil sahaja yang meminati-nya, maka bahagian ini selalu-nya di-kepingi dan kurang penting-nya memandang ada-nya kehendak di-bahagian yang lain. Sabalek-nya Pelajaran Dewasa Liberal ini-lah kemuncak dari segala Pelajaran Dewasa, dan satu2-nya susunan Pelajaran Dewasa yang berjaya yang memainkan peranan-nya menuju matalamat mengadakan peluang di-mana semua-nya akan

MINGGU lepas telah di-terangkan oleh penulis renchana ini tentang Pengertian Pelajaran Dewasa yang kemudian-nya di-timbulkan empat bahagian penting untuk melaksanakan tugas2 Pelajaran Dewasa itu.

Dua di-antara empat bahagian itu telah pun di-nyatakan ia-itu bahagian2 Pelajaran Dewasa Formal dan Pelajaran Dewasa Asas.

Berikut ini pula di-huraikan dua bahagian lagi ia-itu bahagian2 Pelajaran Dewasa Liberal dan Pelajaran Dewasa Teknikal.

Dalam renchana yang terakhir ini juga, pembacha akan dapat mengetahui serba-sedikit mengenai dengan ranchangan pentadbiran Pelajaran Dewasa yang di-laksanakan di-negeri ini, — Pengarang.

dapat melihat kemajuan diri sendiri dengan penggunaan kechenderongan dan kebolehan mereka sa-penoh-nya yang menjadi tujuan pelajaran yang sa-benar. Jika kesedaran ini ada pada sa-scorang, maka Pelajaran Dewasa Liberal-lah yang akan menolong memberikan kepuasan keinginan menambahkan apa yang ada pada mereka

PELAJARAN DEWASA TEKNIKAL (TECHNICAL ADULT EDUCATION)

Dengan ada-nya perkembangan baru dari segi perindustrian, perdagangan dan perniagaan juga pertanian dan dengan ada-nya teknik2 baru dalam penggunaan sains (*applied science*), juga oleh sebab chepat-nya pembangunan, apa yang baru pada hari ini sudah menjadi yang bukan baru lagi pada esok-nya dan ini mesti memerlukan pelajaran dalam bahagian ini. Juga sa-bagai menampung kepada sistem pelajaran kanak2, ranchangan ini ada-lah untuk mengulang kaji bagi memperbaiki kecekapan masing2.

Di-bahagian Pelajaran Dewasa Teknikal ini ia-lah bagi golongan masyarakat yang ingin menjadi lebih mahir di-segi teknikal dan menjadi lebih chekap dalam kebolehan chara2 asas di-lapangan kerja tahanan khas mereka, atau bahagian perdagangan atau perindustrian. Pengetahuan teknikal dan sains mesti-lah berkembang sa-laras dengan idea2 baru di-bidang sains dan teknologi supaya tidak membawa kemunduran kepada sa-sebuah negeri itu dan kesempatan ini mesti-lah di-adakan di-bidang Pelajaran Dewasa, kerana ia-nya berhubung dengan orang2 dewasa. Sunggoh pun demikian kita telah pun berkesempatan mengadakan kelas2 dalam bi-

dang ini, kelas2 itu ia-lah seperti kelas Ilmu Perdagangan (*Commercial Subjects*) dan baru2 ini Kelas Telecommunication.

RANCHANGAN DAN PENTADBIRAN PELAJARAN DEWASA JABATAN PELAJARAN

Sekarang, saya akan beralah untuk membincangkan mengenai dengan Ranchangan dan Pentadbiran Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran.

Salah satu dari bahagian Jabatan Pelajaran ia-lah Bahagian Pelajaran Dewasa sa-lain dari Bahagian2 Pelajaran Melayu, Pelajaran Inggeris, Pelajaran Teknikal, Latihan Perguruan, Peperiksaan, Pelajaran Cina, Kebajikan dan Kesejahteraan (Bahagian Dermasiswa), Ranchangan Permakanan dan lain2.

Ranchangan Pelajaran Dewasa dalam Jabatan Pelajaran ini telah pun di-mulakan sa-lepas Peperangan Dunia Yang Kedua tetapi ada kemungkinan Pelajaran ini di-adakan sa-belum tempoh itu dan kemungkinan ini tidak-lah mustahil melihat kechenderongan2 orang2 dewasa sama ada ia di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran sendiri atau pun sa-chara inisiatif dalam sa-suatu kumpulan atau persaorangan.

Ranchangan Pelajaran Dewasa di-Jabatan Pelajaran kita ini ada-lah juga mengikut pertumbuhan2 pelajaran di-negeri ini. Pertumbuhan2 pelajaran itu juga melibatkan pertumbuhan Pelajaran Dewasa, tetapi ini juga termasuk ka-dalam bahagian2 Pelajaran Dewasa yang telah saya nyatakan sa-belum ini.

Muli2 ranchangan ini hanya berkisar dalam Pelajaran Dewasa Asas, kemudian melangkah pula ka-dalam bahagian Pelajaran Dewasa Formal, dan

sa-terus-nya ka-bahagian Pelajaran Dewasa Teknikal. Ada kemungkinan pula kita bersedia untuk melangkah ka-dalam bahagian Pelajaran Dewasa Liberal dan asas untuk ini telah pun di-mulakan.

Sa-hingga masa ini, ranchangan2 Pelajaran Dewasa ada-lah mengandungi pelajaran2 sa-bagai berikut:—

- * Pelajaran Rendah (Memberantas Buta Huruf);
- * Pelajaran Menengah (Dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan VI) bagi kedua2 aliran Melayu dan Inggeris;
- * Pelajaran Urusan Rumah Tangga termasuk Pelajaran Jahitan, Masakan, Anyaman, Mengubah Bunga, Berdandan, Bersolek (*make-up*), membuat pakaian dan sa-umpama-nya;
- * Pelajaran Perdagangan (*Commercial Subjects*), termasuk Pelajaran2 Menaip, Trengkas, Ilmu Menyimpan Kira2 (*Book-keeping*), Steno dan sa-umpama-nya;
- * Pelajaran Teknikal seperti Kelas Telecommunication; dan
- * Pelajaran2 seperti Kelas2 Menggambar, Lukisan, Muzik dan Pelajaran2 Bahasa2 Melayu, Inggeris, Perancis, Jerman dan Jepun.

Mengikut perangkaan, dari sa-tahun ka-satahun bilangan orang2 dewasa yang memasuki atau yang belajar di-kelas2 dewasa ada-lah bertambah2, meski-pun bayaran belajar telah di-kenakan kepada pelajar2-nya dan bayaran2 itu telah di-mulakan semenjak tahun 1971 yang lalu. Perangkaan itu ada-lah sa-bagai berikut:—

Tahun	Ramai Pelajar
1958	— 1575 orang
1959	— 1997 ..
1960	— 2308 ..
1961	— 2841 ..
1962	— 3255 ..
1963	— 4531 ..
1964	— 4725 ..
1965	— 5471 ..
1966	— 5486 ..
1967	— 5155 ..
1968	— 6347 ..
1969	— 6317 ..
1970	— 6475 ..
1971	— 6848 ..
1972	— akan bertambah sa - kurang2-nya 8% dari tahun yang lalu.

Perangkaan2 yang di-chatetkan dari semenjak tahun 1958 ini ada-lah terdiri dari dua aliran ia-itu Melayu dan Inggeris, dan boleh-lah di-katakan tahun 1958 itu aliran Melayu-nya hanya mengadakan Pelajaran Dewasa Asas.

(Lihat Muka 3)

MANUSIA DAN AJARAN2 UGAMA



KHUTBAH JUMA'AT

"Mana2 yang di-rasa-nya baik dan sesuai dengan kepentingan diri-nya, itu-lah sahaja yang di-ikut-nya"

UGAMA Islam itu ada-lah agama yang di-turunkan Allah Subhanahu wataala sesuai dengan fitrah atau tabi'at kejadian manusia, maka kerana itu-lah sa-tiap surohan ada-lah sesuai dengan kehendak2 dan keperluan2 yang wajar bagi manusia dan sa-tiap larangan Islam itu ada hikmat2 dan faedah2 yang tertentu kepada mereka walau pun hikmat2 dan faedah2 itu sa-tengah2-nya tidak kita ketahui dengan jelas-nya.

Perkara ini telah di-terangkan sendiri oleh Allah di-dalam Al-Quran surah Ar-rum, ayat 30 yang bermaksud:

"Maka tegakkan-lah atau hadapkan-lah wajah mu kepada Uga-ma ini dengan sa-genap kechenderongan hati, kerana itu-lah fitrah Ilahi yang mana tiap2 manusia mesti hidup beragama dan tidak ada lagi perubahan bagi perbuatan Allah dan itu-lah ugama yang benar tetapi sa-bahagian manusia tidak mengetahui".

Berdasarkan Firman Allah itu, jelas-lah kepada kita bahawa hidup beragama itu sudah jadi bahagian dan fitrah atau tabi'at kejadian manusia. Dan untuk kebaikan dan faedah manusia itu ada-lah perlu di-lindungi oleh undang2 dan peratoran2 supaya mereka itu dapat menyempurnakan tugas2 dan kewajipan2 mereka sa-

bagai makhluk Tuhan di-atas muka bumi ini.

Undang2 dan peratoran2 itu ia-lah Uga-ma Islam yang dapat memenuhi kehendak2 dan keperluan2 jasmani dan rohani mereka. Dengan mematuhi undang2 dan peratoran2 Islam-lah yang dapat menjamin keamanan dan keselamatan manusia hidup di-dunia dan di-akhirat.

Kerana itu Allah telah menyuruh dan menyuruh manusia memasuki jalan keselamatan itu dengan Firman-Nya di-dalam surah Al-Baqarah, ayat 28 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, masok-lah kamu semua dalam keselamatan dan jangan-lah kamu ikut langkah2 shaitan kerana shaitan itu ada-lah musuh kamu yang sa-terang2-nya".

Yang di-maksud dengan keselamatan di-dalam ayat ini ia-lah Uga-ma Allah ia-itu Uga-ma Islam, dan yang di-maksud dengan memasokkan itu ia-lah mengamalkan ajar-

an2 Islam sa-chara keseluruhan bukan sa-tengah2, bukan pula di-waktu senang atau sa-balek-nya sahaja, bukan pula hanya di-waktu sudah tua sedangkan waktu muda tidak, bukan pula di-waktu ada lapangan sedang waktu susah tidak atau sa-balek-nya.

Pindek kata, kita ada-lah dikehendaki mengamalkan ajaran2 ugama itu dalam keseluruhan mutlak, baik dari segi waktu, tempat keadaan, umur, keluarga dan lain2 yang bersifat keseluruhan.

Dalam Surah Al-Haj, ayat 11, Allah telah membuat tegoran dan sindiran kepada orang2 yang memilih2 ajaran Uga-ma dengan mengamalkan beberapa bahagian sedangkan bahagian2 yang lain yang tidak sesuai dengan "liur dan kenafsu-an" mereka tinggalkan.

Firman-Nya yang bermaksud:

"Sa-tengah dari manusia, ada orang yang menyembah Allah dengan sa-paroh hati dan keraguan hingga manakala ia memperoleh kurnia

Allah senang dan tenteram-lah hati-nya dan sa-balek-nya manakala ia di-timpa chubaa (bala') berputar-lah hati-nya menjadi kafir, maka jadi rugi-lah ia di-dunia dan di-akhirat, dan itu-lah dia kerugian yang sa-terang2-nya".

Dalam kehidupan kita sa-hari2 kadang2 ada kita berjumpa dengan orang2 Islam yang memilih2 ajaran ugama itu. Mana2 yang di-rasa-nya baik dan sesuai dengan kepentingan diri-nya itu-lah sahaja yang di-ikut-nya, manakala yang berlawanan dengan kepentingan-nya terus di-ke- tepikan-nya. Misal yang paling dekat, sa-orang suami men- cherai-kan isteri-nya kerana bermaksud hendak berkahwin baru.

Ajaran ugama yang mem- bolehkan mencherai-kan isteri itu-lah yang di-pakai-nya, manakala kewajipan-nya untuk membayar nafkah 'edah dan nafkah anak2-nya dari isteri pertama itu tidak pula di- tunaikan-nya sebab mencherai- kan isteri itu sesuai dengan ke- pentingan diri-nya, manakala tugas dan kewajipan memba- yar belanja 'edah dan nafkah anak itu berlawanan dengan kepentingan-nya.

Orang yang sa-umpama ini tidak-lah dapat di-katakan orang yang benar2 patoh ka- pada ugama pada keseluruhannya dan ia-nya tetap-lah ter- masok sa-bagai orang yang mendapat kerugian dunia dan akhirat.

Oleh yang demikian, maka ada-lah di-serukan bahawa sa-bagai orang2 Islam kita hendak-lah mentaati ajaran2 ugama dengan sa-penoh hati dan jujur pada mengamalkan- nya. Mudah2an dengan demik- ian akan termasuk-lah kita sa-bagai orang2 yang mendapat keselamatan hidup di-dunia dan di-akhirat.

PENTADBIRAN PELAJARAN

(Dari Muka 2)

Pertambahan2 dari sa-tahun ka-satahun yang di-chatetkan ini menunjukkan bahawa per- ubahan masharakat untuk me- lepaskan dari chengkaman konsebertib dan perkem- bangan pelajaran di-negeri ini, ada-lah di-perchayai Pelajaran Dewasa juga akan berdaya upaya untuk mengikuti sa-tiap langkah bagi menuju kemajuan itu.

Kechuali Pelajaran Dewasa Rendah (Memberantas Buta Huruf), semua pelajar2 dewasa yang mengikuti atau yang be- lajar di-Kelas2 Pelajaran De- wasa akan di-kenakan bayaran Pendaftaran dan bayaran Penggal2 Pelajaran ia-itu mengikut saperti yang di-cha- tetkan dalam buku Ranchang- an Tahunan.

Bayaran2 di-kelas2 dewasa ini saperti yang telah di-nyata- kan telah pun di-mulakan se- menjak tahun yang lalu (1971). Nampak-nya bayaran2 yang di-kenakan kepada pelajar2 dewasa itu tidak-lah mem- pengaruhi bagi menurun-nya kedatangan orang2 yang be- lajar, bahkan mungkin menjadi salah satu dorongan bagi me-

namahkan bertambah ramai-nya orang2 datang belajar sa- perti perangkaan yang di-nyatakan.

Kembali saya membincang- kan perkara Pentadbiran Pe- lajaran Dewasa. Ranchangan Pe- lajaran Dewasa yang ada seka- rang ini ia-lah Ranchangan Ja- batan Pelajaran (tegas-nya Ke- rajaan), yang hanya di-kendali- kan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa dalam Jabatan Pe- lajaran. Ranchangan ini di-jalan- kan melalui dan bersangkut paut dengan guru2 dan bangunan sekolah2, sama ada guru2 dan bangunan sekolah2 atau maktab2 dari aliran Me- layu atau Inggeris ada-lah ter- libat dalam ranchangan ini.

Sa-tiap pembentokan sa- sebuah kelas atau pusat Pe- lajaran Dewasa maka guru2 dan sekolah2 yang berkenaan akan mengambil peranan yang pen- ting dalam pembentokan itu. Dan kemungkinan bagi meli- batkan kerja2 asal guru2 itu telah menjadi suatu masalaah yang baru jika sa-kira-nya guru2 itu chuba mengambil peranan yang berlebehan dari- pada yang di-hadkan saperti dalam Surat Keliling Jabatan

DEWASA

Pelajaran Bilangan 12/1966 yang bertarikh pada 11hb. April, 1966.

Tiap2 suatu pembentokan kelas yang baru, maka guru yang biasa-nya membentok kelas Pelajaran Dewasa di-seko- lah itu akan bertanggung-jawab untuk mengemukakan seku- (Lihat Muka 6)

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17hb. Mei, 1972 hingga ka-hari Selasa 23hb. Mei, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari						Matahari	
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	
17hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
18hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
19hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
20hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
21hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
22hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
23hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(17hb. Mei, 1972)

HARGA TURUN

PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz telah membayangkan tentang usaha yang sedang dijalankan oleh Lembaga itu untuk memungkinkannya harga daging dan ikan di-Bandar Seri Begawan.

Langkah pertama Lembaga itu untuk menurunkan harga sayor2an yang sa-takat ini baru di-kenakan kepada penjual2 sayor yang di-belakang Panggong Borneo telah pun mendapat kejayaan di-mana orang ramai boleh membeli dengan harga yang lebih murah dari yang di-dapati pada sa-belumnya.

Ada-lah di-yakini yang orang ramai sudah pun merasa sedikit kelegaan tentang soal harga2 sayor2an, walau pun ia-nya belum lagi menyeluruh kepada semua penjual2 sayor di-Bandar Seri Begawan. Walau macham-mana pun sa-bagai langkah pertama, maka ia-nya membayangkan akan kejayaan sa-terus-nya pada langkah2 yang berikut-nya nanti.

Sekarang Lembaga itu sedang merintis jalan untuk mencari kemungkinan2 yang lebih baik untuk usaha2 menurunkan harga daging dan ikan di-Bandar Seri Begawan yang mana selama ini tentu-nya telah menjadi satu masalah yang berat juga yang sedang di-pikul oleh orang ramai, terutama-nya bagi orang2 yang berpendapatan rendah dan mempunyai keluarga yang besar.

Usaha Lembaga itu ka-arrah ini ada-lah merupakan satu lagi berita yang baik kepada orang ramai dan tentu-nya usaha itu mendapat sambutan yang baik di-kalangan mereka.

Tetapi bagaimana pula sambutan di-kalangan penjual2 ikan dan daging di-Pasar Bandar Seri Begawan? Ada-kah mereka juga turut sama memikirkan akan kepentingan orang ramai dengan sa-chara yang lebih adil?

Saperti juga dengan penjual2 sayor, maka Lembaga itu juga akan mengadakan satu perjumpaan khas dengan penjual2 ikan dan daging untuk membincangkan perkara tersebut. Tentu-nya Lembaga itu akan mendengar sa-chara terbuka akan pendapat2 yang di-berikan oleh penjual2 ikan dan daging itu sama ada sa-chara sa-orang demi sa-orang atau pun melalui wakil mereka untuk berchakap nanti.

Dalam perjumpaan2 saperti itu ada-lah perkara biasa timbul-nya beberapa masalah sama ada ia-nya di-timbulkan penoh dengan kebenaran-nya atau sa-balek-nya. Hal ini terpuang-lah kepada mereka yang terlibat nanti.

Tetapi, bagi mendukung hasrat dan chita2 Kerajaan D.Y.M.M. yang lebih memikirkan akan kesejahteraan dan ketenteraman orang ramai, khas-nya rakyat negeri ini, maka ada-lah sa-chuchok dengan dasar Kerajaan Baginda itu jika perbincangan2 itu berligar di-sekitar kebenaran-nya dan jauh dari soal2 mementingkan keuntungan yang berlipat-ganda.

Mudah2an fikiran2 yang tenang akan meliputi suasana perbincangan itu nanti.



▲ Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar berucap di-rapat sambutan Maulud di-Daerah Belait pada hari Ahad 7hb. Mei yang lalu.

▲ Pasokan pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei yang mendahului perarakan mengelilingi Pekan Bangar bagi menyambut Maulud di-Daerah Temburong.

▼ Kedua2 gambar di-bawah menunjukkan peserta2 yang terdiri dari kanak2 sekolah, orang ramai, dan penuntut2 kelas dewasa yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Pekan Bangar pada hari Sabtu lepas.



Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Hassan yang mewakili Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang berucap kepada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian dalam sambutan Maulud di-Daerah Temburong.



Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Hassan yang mewakili Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang berucap kepada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian dalam sambutan Maulud di-Daerah Temburong.

SAMBUTAN2 MAULUD NABI MOHAMMAD DI-DAERAH2 TEMBURONG DAN BELAIT

LEBEH dari 1,000 orang umat Islam dari 20 pasokan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2, kampung2 dan pejabat2 kerajaan di-Daerah Temburong telah mengambil bahagian dalam satu rapat dan perarakan bertempat di-padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar pada hari Sabtu lepas bagi menyambut perayaan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w.

Pasokan itu telah berkumpul di-padang berhadapan dengan Pejabat Daerah Temburong sa-belum berarak mengelilingi Pekan Bangar dan berkumpul semula di-padang Sekolah Melayu Sultan Hassan.

Perarakan tersebut di-mulakan dengan tembakan meriam. Perarakan itu telah di-dahului oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar dan ahli2 jawatankuasa sambutan perayaan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w.

Awang Abdullah telah juga menyampaikan ucapan di-rapat tersebut.

Kadzi Daerah Temburong, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan Awang Abdullah bin Haji Metassan bagi pihak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga berucap di-rapat itu.

Satu sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad telah di-sampaikan oleh Awg. Mokti bin Mohammad Daud dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

DI-DAERAH BELAIT sambutan yang sa-rupa juga telah diadakan di-Seria pada hari Ahad 7hb. Mei, lepas.

Perarakan itu telah mendapat sambutan walau pun hujan turun dengan lebat-nya pada pagi itu. Lebih dari 5,000 orang umat Islam mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Sambutan yang sa-rupa juga diadakan di-Pekan Tutong pada hari Sabtu 20hb. Mei ini.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bagi pihak Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang berucap dalam rapat kerana menyambut Maulud di-Daerah Temburong.

Gambar2 bawah kiri dan kanan menunjukkan peserta2 dari orang2 dewasa dan penuntut2 Maktab Anthony Abell Seria yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Daerah Belait pada 7hb. Mei yang lalu.



Pasokan penuntut2 perempuan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud pada hari Sabtu lepas. (gambar atas kiri) dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar berucap dalam rapat tersebut. (atas kanan)



Peserta2 yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Daerah Belait sedang berarak melalui Jalan Bunga Kenanga.



PEMBENAAN KOMPLEX PERUMAHAN UNTUK PULIS PENCHEGAH RUSOHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah mengeluarkan tender bagi pembenaan kompleks perumahan baru bagi Pulis Penchegeh Rusohan, Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Komplex itu akan di-bena di-bahagian depan sa-belah barat Ibu Pejabat Pulis yang ada sekarang di-Gadong.

Tapak bagi pembenaan complex itu telah pun di-bersekan.

Sharikat James Cubitt dan Rakan2 ada-lah di-tugaskan oleh kerajaan mereka bentuk complex itu.

Komplex itu akan mengan-dongi rumah2 bagi pegawai2 dan anggota2 pasokan itu sa-lain dari sa-buah blok pejabat,

dewan, tempat berbaris dan sa-buah surau.

Dewan itu mempunyai kemudahan bagi tayangan wa-yang gambar.

Kegiatan2 luar yang akan di-sediakan ada-lah merupa-kan padang perbarisan dan

tempat menembak.

Padang sokan, gelanggang bola tampar, sepak takraw dan gelanggang badminton juga akan di-adakan.


Ada-lah di-harapkan baha-wa projek itu akan siap dalam masa kira2 lapan belas bulan.

LEBEH 200 SERTA PERADUAN TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 200 orang cha-lun, termasuk 74 daripada-nya wanita, telah memasuki per-aduan trengkas dan menaip di-Sekolah Melayu Pusu Ulak dan Sekolah Menengah Mela-yu SMJA di-Bandar Seri Be-gawan yang di-adakan dalam minggu lepas.

Sa-ramai 74 orang mema-soki peraduan trengkas pe-rengkat permulaan, menengah dan tertinggi dan 149 orang memasuki peraduan menaip perengkat permulaan, menen-gah dan tertinggi. Sa-ramai 79 orang chalu lain, memasuki peraduan seni Greeg.

Sa-ramai 20 orang lagi telah mengambil peraduan steno ju-nior dan senior di-Sekolah Melayu Pusu Ulak Bandar Seri Begawan yang juga di-adakan dalam minggu lepas.



PENYAMPAIAN HADIAH

Upacara penyampaian ha-diah2 bagi peraduan itu akan di-adakan pada 2hb. Jun di-De-wan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Awang Hj. Abdul Aziz bin Begawan Pe-hin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar akan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Dalam majlis itu, Awang Hj. Abdul Aziz juga akan menyampaikan sijil2 trengkas dan menaip kepada penuntut2 yang telah lulus pepereksaan tahun lalu yang di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Insti-tute Malaysia.

Sementara itu, satu pame-ran mengenai semua kegiatan2 pelajaran Trengkas dan Me-naip akan di-adakan sa-lama tiga hari berturut2 mulai 1 Jun bertempat di-Balai Pa-meran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pameran itu ada-lah terbu-ka kepada orang ramai untuk menyaksikan-nya.

Dayang Apiah binte Awang Besar kelihatan sedang berhati2 me-nulis Trengkas untuk pertandingan dalam peraduan Trengkas Seni Gregg. (gambar kiri)

Mereka ini sedang menaip baha-gian kepantasan untuk di-pertan-dingkan dalam peraduan Menaip Menengah. (gambar bawah)

Pembenaan jaraya ke-Labi berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Kerja2 pembenaan projek jalan raya yang menghubungkan Rempa-yoh, Labi dan Bukit Puan de-ngan jalan raya Bandar Seri Begawan-Kuala Belait sedang berjalan lancar.

Jalan yang panjang-nya ber-jumlah 29 batu itu, termasuk jalan2 yang ada dari Bukit Puan ke-satu tempat sa-lepas Rempayoh.

Sa-orang juruchakap bagi Ja-batan Kerja Raya di-Kuala Be-lait berkata, kelancharan ker-ja2 ka-atas projek telah ter-gendala berikutan hujan yang tidak henti2-nya bulan Mach, bagaimana pun jalan sa-pa-ang 12½ batu dari simpang Sungai Liang ke-satu tempat sa-tengah batu sa-lepas Bukit Puan telah di-buboh aspal.

Kata-nya, kerja2 mengukoh-kan jalan dari Bukit Puan ke-Labi telah tiba pada satu temp-at lebeh sedikit dari satu sa-tengah batu. Kerja member-sehkan kawasan dari tempat itu dan Labi sudah pun siap.

Termasuk dalam projek itu ia-lah pembenaan tujuh buah jambatan batu, enam daripa-da-nya sudah pun siap, terma-sok yang paling panjang sekali 218 kaki di-Sungai Belait. Rancangan pembenaan jem-batan2 yang lain di-Sungai Be-luhur telah di-ranchangkan tawaran2 akan di-iklankan ti-dak lama lagi.

Sa-lain dari itu ada tujuh buah jambatan bailey antara Puan dan Rempayoh dan yang panjang sekali 600 kaki di-Sungai Petai.

Keseluruhan projek i t u mungkin akan siap tahun ha-dapan. Jalan2 tersebut ada-lah sa-bagai satu lagi jalan ke-ka-wasan2 itu.

PEMBELA anjarkan perlawanan bola

KUALA BELAIT. — Perlawanan bola sepak ia-itu salah satu achara bagi menyambut perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mu-lia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan yang ke-26 akan di-adakan di-padang Kuala Belait akhir buian ini.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Persatuan Belia Belait atau PEM-BELA dan terbuka kepada per-satuan2 belia dan kebajikan di-se-luruh negeri ini.

Perlawanan itu ia-lah bagi me-rebut piala yang di-hadiahkan oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Talib bin Der-wish.

Bayaran masuk untuk menyertai perlawanan itu ia-lah \$15.00 bagi tiap2 satu pasokan.

Borang2 untuk menyertai perla-wanan itu boleh di-dapati dari Awang Jumaat Matyassin, Awang Mokti Matyassin, Awang Sulai-man Udin, Awang Tumul Momin, Awang Zaini Maidin dan Awang Ibrahim Mohamad Rias.

PENTADBIRAN PELAJARAN DEWASA

(Dari Muka 3)

rang2-nya 15 orang dewasa un-tuk belajar melalui Guru Be-sar-nya atau kalau guru itu dia juga menjadi Guru Besar di-Sekolah itu maka dia ada-lah akan terus mengemukakan kepada Penyusun Pelajaran Dewasa, melalui Nadzir Pelaj-aran Dewasa. Dua jenis bo-rang di-sediakan untuk mem-bentuk sa-sebuah kelas Pelaj-aran Dewasa. Borang2 itu ia-lah Borang untuk memasuki Pelajaran Rendah (Memberan-tas Buta Huruf) dan satu bo-rang lagi ia-lah berupa kad yang di-isikan berseorangan berbedza dengan borang Me-masoki Pelajaran Rendah yang berupa daftar orang2 dewasa yang akan memasuki kelas itu. Kad ini mempunyai dua warna ia-itu Putih dan Hijau. Putih untuk aliran Melayu dan Hijau untuk aliran Inggeris.

Jika sa-sebuah sekolah itu telah mempunyai lebeh enam buah kelas Pelajaran Dewasa maka tempat itu akan di-jadikan Pusat Pelajaran Dewa-sa yang di-tadbirkan oleh sa-orang Penyelia Pelajaran De-wasa. Biasa-nya dan kebanyak-an-nya yang menjadi Penyelia di-Pusat itu ia-lah Guru Besar di-sekolah itu atau guru2 kanan di-sekolah itu yang lan-tekan-nya di-sokong oleh Guru Besar dan Ketua Bahagian yang berkenaan.

Bayaran2 elauun kepada guru2 yang mengajar ada-lah berdasarkan Darjah atau Ting-katan yang di-ajar-nya dan de-mikian juga Penyelia elauun-nya di-bayar ada-lah berdasarkan banyak kelas Pelajaran Dewa-sa yang di-jaga-nya saperti yang telah di-tentukan dalam peratoran yang mengenai de-ngan elauun2 tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai

Penyelenggara

Setor Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkecayaan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Pulis.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Calon2 mesti-lah terdiri daripada orang2 lelaki berumur 21 tahun ka-atas dan mempunyai sijil L.C.E. dalam aliran Inggeris. Mesti-lah mempunyai beberapa tahun pengalaman dalam pengurusan perkakas2 teknikal terutamanya alat2 electronic dan alat2 pengganti untuk radio.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — B\$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi calon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis: Bagi sa-seorang calon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 6hb. Jun, 1972.

JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan kapada orang ramai bahawa jualan lelong bagi sa-buah kereta yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah in akan di-adakan di-kawasan Balai Pulis, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 10hb. Jun, 1972 jam 9.00 pagi.

JADUAL

Bil. Bil. Daftar Jenis Kereta

1. B 5041 Opel Kapitan Penangkap2 lelong yang berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan tunai dan sa-terus-nya memindahkan kereta itu dari tempat lelong tidak lewat tujuh hari sa-sudah lelong itu di-adakan. Dia juga di-kehendaki membayar chukai Kastam, sekira-nya perlu.

Jika kereta itu tidak di-pindahkan dalam tempoh yang di-tetapkan itu, wang yang telah di-bayar tidak boleh di-tebus balek dan kereta itu akan di-lelong sa-mula.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. FARDHU KEFAYAH (1 jawatan)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun;
- Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rakun2 Ugama Islam, terutama sekali pengetahuan menchuchi mayat;

- Satu peperiksaan sa-chara lisan (soal mulut) akan di-adakan di-masa temuduga.

Pemohon yang berjaya mesti-lah bersedia di-tempatkan di-Daerah Temburong, dan keutamaan akan di-beri kapada orang yang bermastautin di-Temburong.

Pemohon yang di-fikirkan berkecayaan tetapi berumur lebih dari yang di-sharatkan boleh juga akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sa-bulan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300 x10-350.

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari calon2 yang berkecayaan bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Calun2 untuk lantikan ini mesti-lah telah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang

mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 4hb. Jun, 1972.

Di-Pejabat Daerah Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong, Brunei.

1. JURU MESIN TINGKAT I (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sabuh workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. TUKANG KAYU TINGKAT II (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun penga-

laman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan. Pemohon2 mesti-lah boleh:

- menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksanakan kerja2 itu; dan
- menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untuk @ di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 — \$220 x5-\$240.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2. Sulit mengenai pemohon bersama2 dengan satu chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 1hb. Jun, 1972.

Tawaran membeli besi burok

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa daripada pembeli2 besi burok untuk membeli 3 buah kereta2 yang sudah lama dan rosak kepunyaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei. Keterangan2 mengenai kereta ini ada-lah saperti di-sebutkan di-bawah:-

- B.G. 807 — Bedford Mini Bus, Chassis No. CV1244155 Engine No. DA4/124188;
- B.G. 870 — Ford Thames 800 Van, Chassis No. 30446 Engine No. 400E/317900;
- B.G. 758 — Morris Mini Bus, Chassis No. 28902 Engine No. 15J-N-L28036.

Kereta2 ini boleh-lah di-lihat di-kawasan Garage Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang berdekatan

dengan Steshen Pemancar Radio di-Jalan Berakas, Brunei pada bila2 masa waktu bekerja.

Pembeli2 besi burok yang berjaya ada-lah di-kehendaki menjelaskan pembayaran-nya sa-belum ketiga2 buah kereta itu di-pindahkan daripada kawasan garage Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kertas2 tawaran hendak-lah di-kirim dalam sampul surat yang bertanda di-luar "TAWARAN UNTUK MEMBELI BESI BURUK" dan hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada hari Sabtu 20hb. Mei, 1972 jam 4.00 petang.

2. PENYAMBUT TETAMU (1 Jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Penyumbat Tetamu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4.4 — \$180x5-240/EB/245 x5-260-270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 6hb. Jun, 1972.

Sa-bagai Pegawai Akhbar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan Pegawai Akhbar di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja dengan sa-sabuh akhbar harian bahasa Inggeris atau Melayu atau dengan Perchetaan Kerajaan atau dengan Sharikat Berita Kebangsaan atau pun mempunyai diploma dalam kewartawanan daripada sa-sabuh badan yang di-akuai serta mempunyai 2 tahun pengalaman sa-bagai wartawan. Calon yang berjaya di-kehendaki menyusun risalah2 penerangan dalam bahasa Inggeris dan Melayu serta menyunting skrip untuk siaran radio.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB / 1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi calon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang calon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 25hb. Mei, 1972.



PEMANGKU Pengelola Baitol-Mal dan Zakat Fitrah, Awg. Haji Tahir dan pegawai2 bahagian tersebut, telah menerima zakat pa-di berjumlah 1,472 gantang dari Mukim Masjid Tanah Jambu. Pa-di itu telah di-serahkan oleh Imam Masjid Tanah Jambu, Awang Bakir bin Garif (sa-bagai 'Amil Mukim tersebut) pada hari Rabu 10hb. Mei, 1972.

Gambar atas: Pegawai2 dari Bahagian Baitol-Mal dan penduduk2 Kampong Tanah Jambu bergambar ramai sa-telah penyerahan pa-di itu — Gambar JHEU/BP.

Kebersehan bandar harus di-jaga

(Dari muka 1)

Lembaga Bandaran, kata-nya, tidak akan ragu2 untuk bertindak kepada siapa sahaja yang tidak mengindahkan kehendak undang2 itu.

Mengenai dengan kedai2 kecil di-sa-panjang tebing Kampong Sultan Lama yang di-dapati membuat beberapa tambahan hingga menchechah ka-tebing tersebut telah pun di-beri notis untuk membuka tambahan2 itu.

Tindakan undang2 akan juga di-jalankan, jika mereka enggan menurut kehendak2 notis2 yang telah di-berikan kepada tuan2 punya kedai2 kecil tersebut.

MALAM PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN. — PERTIWI akan menganjorkan Pasar Ria dan Malam PERTIWI di-Pusat Belia pada 27 dan 28 Mei ini.

Kemunchak acara "Malam Pertiwi" itu pada 27 Mei ia-lah memilih "Ratu Pertiwi". Wanita2 yang ingin mengambil bahagian di-minta berhubung dengan Da-yang Zainab Hj. Zainal Abidin, Radio Brunei dan Hajjah Mariam Haji Idris, Jabatan Kehutanan Bandar Seri Begawan.

Pasar Ria pada pagi 28 Mei akan menjual barang2 kerajinan tangan ahli2 PERTIWI sa-lain dari kueh-mueh dan lain2-nya.

Ketetapan harga sayor

(Dari muka 1)

Untuk mengemukakan aduan2 itu, maka orang ramai di-persilakan membuat panggilan talipon nombor 2411 atau 2828 atau menulis surat dengan di-alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu juga dalam satu pertemuan khas dengan Pelita Brunei telah membayangkan untuk menjalankan usaha2 bagi mengatasi harga2 ikan dan daging di-Pasar Besar.

Langkah ini, kata-nya, sama2 ada-lah di-buat untuk mengatasi masalah2 yang sedang di-hadapi oleh orang ramai, khas-nya raayat negeri ini berhubung dengan harga barang2 keperluan sa-hari2 itu.

Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa satu perjumpaan khas dengan pehak2 yang berkenaan akan di-adakan bagi mengkaji akan kemungkinan2 untuk menurunkan harga2 ikan dan daging itu, seperti mana perjumpaan beliau dengan penjual2 sayor itu.

Beliau juga memberikan bayangan untuk memberi peluang kepada nelayan2 negeri ini bagi memileki bangku di-Pasar Besar untuk menjual terus hasil2 tangkapan mereka.

Menurut beliau bahawa langkah itu di-perchayai memberikan kemungkinan2 yang besar bagi membantu menurunkan harga2 ikan dan mengurangkan kegiatan2 orang2 tengah yang menchari keuntongan yang berlebihan2.

Mengenai dengan daging pula, Awang Haji Abdul Aziz belum lagi membayangkan langkah2 yang akan di-jalankan, tetapi berharap supaya harga2 daging itu juga akan

dapat di-turunkan.

Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa satu perundingan akan di-jalankan dengan penjual2 daging di-Bandar Seri Begawan.

Sabagaimana yang telah di-per-setujui di-dalam perjumpaan pada hari Selasa, 9hb. Mei, 1972 maka di-bawah ini ada-lah harga sayor2an yang di-jual di-belakang Panggong Borneo:-

Bil: Jenis Sayor Harga Sa-Kati:

1. Sesawi Puteh	45 sen
2. Sesawi Hijau	45 "
3. Taugeh Kechil	25 "
4. Taugeh Besar	40 "
5. Changkok Manis	30 "
6. Kachang Panjang	50 "
7. Kankong	30 "
8. Kachang Bindir	85 "
9. Lobak Puteh	45 "
10. Terong Merah	50 "
11. Terong Hitam	60 "
12. Timun	40 "
13. Bayam Besar	40 "
14. Bayam Kechil (Muda)	60 "
15. Kobis Bulat	90 "
16. Halia	90 "
17. Petula	50 "
18. Peria	\$1.00 "
19. Kachang Bunchit	90 "
20. Keladi	90 "
21. Ubi Mangkuang)	40 "
Ubi Talang)	
22. Ubi Manis	35 "
23. Kailan	90 "
24. Sesawi Taiwan	70 "
25. Daun Salat	\$1.00 "
26. Labu Puteh	30 "
27. Labu Merah	30 "
28. Kepayas	35 "

SURAT KELILING PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN BIL: 14/1972

PADA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka ada-lah dengan ini di-perentahkan supaya semua sampol2 surat rasmi Kerajaan yang ada pada masa ini menggunakan ayat "URUSAN KERAJAAN" hendak-lah di-tukar dengan menggunakan ayat "URUSAN KERAJAAN

DULI YANG MAHA MULIA".

Berikutan dengan ini Ketua2 Jabatan ada-lah di-kehendaki mengemukakan ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan meminta-an2 mereka untuk mendapatkan pembekalan sampol2 surat yang baharu itu dengan sa-berapa segera yang boleh.

LEBEH RAMAI LAGI AKAN DI-SUNTIK BAGI MENCEGAH PENYAKIT TA'UN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan penyuntik bagi mencheegah penyakit taun di-daerah Brunei dan Muara sa-jauh ini telah memberikan suntikan kepada 13,694 orang.

Kempen menyuntik itu yang bermula awal bulan lalu akan di-teruskan hingga 30 Mei.

Sa-masa lawatan itu, rombongan tersebut juga akan melawat ka-sekolah2 di-daerah itu pada tarikh yang berlainan.

Sementara itu rombongan penyuntik di-daerah Temburong telah menyelesaikan kempen-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Perubatan dan Kesihatan berkata, kempen tersebut ada-lah semata2 satu langkah berjaga2, dan ia-nya akan di-teruskan sa-hingga seluroh penduduk negeri ini di-suntik bagi mencheegah penyakit taun.

Ada-lah di-harapkan supaya sa-bilangan besar pendu-dok2 negeri telah mendapat suntikan mencheegah ta'un sa-belum perayaan2 sambutan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 15 Julai ini.

Di-Daerah Belait Jabatan Kesihatan dan Perubatan telah pun menjalankan suntikan mencheegah penyakit taun bagi sekolah2.

Dalam minggu lepas, rombongan perubatan telah pun melawat Sekolah Melayu Muhammad Alam Setia dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Rombongan perubatan itu akan meneruskan lawatan-nya ka-lain2 sekolah di-daerah itu sa-hingga 21 Jun.

Jabatan tersebut meminta pengetua dan guru2 besar memberikan bantuan kepada rombongan itu dengan menyediakan senarai guru2 dan murid2 yang akan di-suntik. Senarai itu juga hendak-lah disertakan umur dan jantina penuntut2 itu.

Masa suntikan ia-lah dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dari 1.15 tengah hari hingga pukul 4.00 petang tiap2 hari.